

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGENAI TAMAT DARURAT DI DEWAN RAKYAT PADA 21HB APRIL 1960

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya suka terutama sekali mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pencadang¹ dan juga penyokong² usul yang ada di hadapan kita ini. Begitu juga saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka kedua itu kerana berjaya mengemukakan usulnya itu dengan cara yang sangat baik, sebab kali yang pertama kita mengadakan bahasan ucapan di-Raja dengan cara yang dibuat begitu. Dan pada fikiran saya kejayaan kedua Ahli Yang Berhormat itu—pencadang dan penyokong, mengemukakan usulnya di Majlis ini menunjukkan bahawa pada masa ke hadapan dewan ini akan dapat dijalankan peraturan itu dengan licinnya dan sempurna.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan semua sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap pada hari ini, memberikan sokongan yang kuat kepada ucapan di-Raja berkenaan dengan menamatkan darurat ini. Tamatnya darurat ini, ialah satu kejayaan yang amat besar yang didapati oleh Kerajaan Perikatan. Dan kejayaan ini, saya rasa, tidak ada bandingnya di dunia ini pada zaman ini. Kerajaan Perikatan berjuang menamatkan darurat ini oleh sebab Kerajaan Perikatan faham yang sebenar-benarnya tujuan komunis hendak menaklukkan negeri ini dengan cara keganasan.

Kerajaan Perikatan daripada awalnya tidak menerima semua sekali fahaman komunis itu dan tidak menerima cara keganasan yang dijalankan oleh pihak komunis itu. Dan itulah mula-mulanya Kerajaan Perikatan berazam menghapuskan pengganas di Tanah Melayu ini. Dan keazaman itu dan juga dengan kerjasama, sokongan yang diberi pada semua lapisan rakyat terutama sekali daripada pemuda-pemuda kita yang sedia mengurbankan tenaga dan jiwa mereka itu kerana negara kita maka kita telah berjaya

1 Dr Lim Swee Aun wakil dari Larut Selatan

2 Encik Muhammad Sulong bin Mohd. Ali wakil dari Lipis

menghapuskan pengganas kominis itu. Oleh itu, sebagai Menteri Pertahanan, saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua pemuda-pemuda kita yang telah mengurbankan tenaga dan jiwanya dalam perjuangan yang mengambil masa lebih 12 tahun itu. Begitu juga saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak tentera Commonwealth yang telah bersama-sama memberi pertolongan kepada kita.

Dengan tamatnya darurat ini bermakna tidaklah lagi rakyat negeri ini terharu oleh kesukaran-kesukaran atas sekatan yang terpaksa dikenakan kerana adanya darurat ini. Tetapi saya terpaksa terangkan kepada Dewan ini bahawa saki baki pengganas-pengganas kominis itu masih ada lagi di sempadan negeri ini dengan negeri Siam. Dan Kerajaan serta dengan tentera dan juga pasukan polis akan meneruskan perjuangannya sehingga saki-baki kominis itu dihapuskan semua sekali. Saya yakin dan percaya, dengan kerjasama yang akan diberi oleh pihak Kerajaan Siam, kita akan dapat menghapuskan semua sekali kominis yang tinggal di sempadan negeri itu dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Saya suka menerangkan sedikit berkenaan dengan kedudukan tentera Commonwealth di sini, sebab ada satu dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan, sekarang ini sebab darurat ini akan tamat maka patutlah tentera Commonwealth itu disuruh keluar balik dari negeri ini. Tentera Commonwealth berada di Tanah Melayu ini menurut perjanjian pertahanan bagi memberi pertolongan kepada kita bagi pertahanan negeri kita ini daripada serangan luar negeri terutama sekali. Dan saya suka terangkan. hendak juga menggantikan tentera Commonwealth itu dengan serta-merta pada masa ini, disebabkan ini akan memakan belanja yang sangat banyak. Dan bagi pihak saya, sebagai Menteri Pertahanan hanyalah diuntukkan oleh Kerajaan 80 juta ringgit setahun bagi belanja tentera itu. Kerajaan memikirkan tidak patut dibelanjakan bagi tentera-tentera lebih daripada itu. Kerana kita terpaksa membelanjakan lebih daripada itu, terpaksa wang itu dikurangkan ataupun diambil daripada perbelanjaan-perbelanjaan yang lain seperti kemajuan negeri yang kita kehendaki itu. Jadi, itulah sebabnya kita tak boleh hendak menambahkan bilangan tentera kita lebih daripada yang ada sekarang ini, sungguhpun saya sendiri faham bahawa ramai pemuda-pemuda kita yang sedia

hendak berkhidmat dalam tentera. Dan lagi ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan bahawa dengan tamatnya darurat ini apakah akan terjadi kepada bekas-bekas Special Constable yang telah diberhentikan itu. Perkara ini telah kerap kali diterangkan dalam Dewan ini iaitu pihak Kerajaan tak ada mempunyai rancangan terhadap perkara ini iaitu Special Constable yang diberhentikan itu adalah diberi bantuan menurut syarat-syarat ini, dan Kerajaan akan menjalankan rancangan bagi memberi pekerjaan yang berpatutan kepada mereka itu, di samping itu juga adalah diharap sebahagian daripada mereka itu akan dapat dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan yang diadakan di seluruh Tanah Melayu ini.

Berkenaan dengan anak isteri ahli-ahli tentera pasukan keselamatan yang telah terkorban jiwanya itu, di mana Undang-undang Darurat kita yang menentukan bahawa mereka itu ada diberi pencen ataupun allowance yang berpatutan. Perkara ini ada dijalankan. Di atas semua perkara ini yang ada rancangan-rancangan Kerajaan yang tertentu supaya mereka yang telah berkhidmat kepada bangsa dan negara itu ada diberi pertimbangan yang sempurna dan mereka itu diharap akan dapat menjalankan kehidupannya semula dengan sempurna.

Sekarang saya akan menerangkan berkenaan dengan hal Pembangunan Luar Bandar iaitu disebabkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili pantai timur iaitu negeri Kelantan dan Trengganu yang telah mendatangkan pandangan-pandangan terhadap perkara ini. Perkara yang pertama yang saya suka terangkan di sini ialah kebanyakan rancangan-rancangan kemajuan, terutama sekali Rancangan Kemajuan Luar Bandar dijalankan dengan menggunakan wang pinjaman dari luar negeri. Pada fikiran saya di sini patutlah Kerajaan Persekutuan terutama sekali mendapat tahu dari pihak Party Islam se Malaya iaitu apakah pendirian yang sebenarnya terhadap wang bantuan dari luar negeri, kerana saya telah mendengar semasa pilihan raya dahulu pihak Party Islam se Malaya tidak mahu menerima sebarang wang bantuan dari luar negeri. Oleh itu, sebelum rancangan-rancangan yang menggunakan wang bantuan dari luar negeri dapat dijalankan, saya fikir eloklah kita mengetahui dengan tegas bahawa apakah pendirian Party Islam se Malaya yang sebenarnya terhadap perkara ini, dan jikalau dasar yang disebutkan itu tidak betul, kita harap dapat

ditarik balik supaya pendirian yang sebenarnya itu dapat ditentukan. Begitu juga berkenaan dengan rancangan, baik luar bandar mahupun rancangan kemajuan Kerajaan yang lain yang telah diterangkan iaitu selepas pilihan raya kedua ini rancangan-rancangan itu terpaksa disemak semula supaya rancangan-rancangan yang sebenar-benarnya menetapkan dasar Kerajaan yang ada sekarang ini iaitu dasar yang diberi keutamaan yang tinggi sekali kepada Kemajuan Luar Bandar itu dijalankan. Oleh sebab itu, setengah-tengah rancangan itu tidak dapat dijalankan kerana wang itu hendak diuntukkan kerana Kemajuan Luar Bandar yang sebenarnya, terutama sekali bagi membeli jentera-jentera bagi mendirikan jalanraya di kampung. Tetapi, saya sukalah menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wakil dari Besut³ iaitu jambatan dari Dungun akan didirikan oleh Kerajaan, oleh sebab inilah satu jambatan yang difikirkan mustahak bagi perjalanan di pantai timur, dan lagi saya suka terangkan di sini juga berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar—Pembangunan Kemajuan Luar Bandar tak dapat tiada bergantung, terutama sekali kepada jentera-jentera pentadbiran peringkat negeri dan jajahan. Jadi, maju atau mundurnya Rancangan Kemajuan Luar Bandar negeri pantai timur itu bergantunglah kepada kemajuan Kerajaan-kerajaan Negeri itu sendiri. Kerajaan Persekutuan tak dapat melaksanakan rancangan-rancangan itu kerana Kerajaan Persekutuan tidak ada perhubungan yang terus kepada pihak rakyat jelata, melainkan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, dan dalam hal ini termasuklah terutama sekali berkenaan dengan kemajuan tanah.

Saya tahu Ahli Yang Berhormat wakil dari Bachok⁴ ada memberi pandangan di atas hal Rancangan Kemajuan Tanah. Tanah yang disebutkan ialah di bawah kuasa-kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan jikalau Rancangan Kemajuan Tanah hendak berjalan dengan sempurna, maka mustahaklah Kerajaan-kerajaan Negeri itu sendiri berusaha menjalankan rancangan-rancangan itu. Bagi menjalankannya, pihak Kerajaan Persekutuan atau pihak Lembaga Kemajuan Tanah atau Land Development Authority, dan di sini terpaksa saya menerangkan bahawa sebelum Kerajaan Persekutuan atau Lembaga Kemajuan Tanah, memberi per-

3 Dr Burhanuddin bin Mohd. Nor

4 Encik Zulkiflee bin Muhammad

tolongan, mustahaklah Kerajaan-kerajaan Negeri itu menerima dasar Kerajaan Persekutuan. Kalau tidak menerima dasar itu dan jikalau mendatangkan pandangan yang tak sempurna pada dasar itu, tak dapat tidak Kerajaan Persekutuan dan jua Lembaga itu tak dapat hendak memberi pertolongan terhadap mana-mana Kerajaan-kerajaan Negeri sekalipun.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan dasar RIDA. Saya telah terangkan dahulu iaitu selepas pilihan raya yang kedua ini telah ditubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dasar baharu ini telah diberi kepada pihak RIDA, dan setahu saya tidak ada perselisihan di antara pihak RIDA dengan pihak Syarikat Kerjasama. Dasar ini bagi pihak Kerajaan Persekutuan ada diterangkan dan dinyatakan iaitu RIDA memberi pertolongan kepada usaha-usaha yang bersendirian dan RIDA akan memberi pertolongan dengan satu tujuan sahaja iaitu supaya rakyat jelata dapat menjalankan kemajuannya dengan segera, dan akhirnya berkehendakkan rakyat dengan apa jalan sekalipun melalui Syarikat Kerjasama berdiri di atas kakinya sendiri. Dasar yang besar ini tidak ada perbezaan dan tidak ada perselisihan di antara RIDA dengan Syarikat Kerjasama. Saya harap dengan adanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat melicinkan jentera-jentera pexjalanan Kerajaan serta dapat mengadakan kerjasama yang rapat supaya jentera pertadbiran dapat diperbaiki terutama sekali di antara kedua-dua pejabat ini.

Begitu juga berkenaan dengan pandangan ahli Yang Berhormat wakil Bachok terhadap perusahaan-perusahaan kecil yang hendak dijalankan oleh pihak RIDA. Saya suka menerangkan di sini bahawa pihak RIDA terpaksa menjalankan percubaan perusahaan-perusahaan yang difikirkan patut seperti perusahaan membuat barang-barang plastik dan sebagainya dan jikalau didapati perusahaan itu maju maka jikalau ada barang-barang yang dibawa dari luar negeri yang akan mengurangkan harga barang-barang yang dikeluarkan daripada negeri ini maka Kerajaan boleh menahan barang-barang ini daripada dibawa masuk. Jadi saya suka menerangkan bukannya tujuan RIDA hendak merosakkan perusahaan-perusahaan kecil yang ada bahkan tujuan RIDA hendak memberi pertolongan kepada perusahaan-perusahaan kecil supaya dapat perusahaan-perusahaan itu dibesar dan diluaskan.

Dan lagi ahli Yang Berhormat wakil Bachok juga mendatangkan pandangan berkenaan dengan Pejabat Pencegah Makan Suap. Di sini saya suka menerangkan di dalam titah di-Raja ada diterangkan dengan lanjutnya berkenaan dengan dasar terhadap perkara itu iaitu Kerajaan berpendapat mustahaklah diberi latihan dan ajaran yang sempurna kepada Pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat jelata seterusnya supaya mereka itu faham dengan sebenarnya bahawa perkara yang salah daripada sisi undang-undang negeri dan dipandang tidak baik. Hanyalah dengan adanya latihan dan pandangan yang semacam itu dapat kita mengatasi perkara yang ini dengan benar-benar.

Banyak ahli-ahli Yang Berhormat mendatangkan pandangan berkenaan dengan pindaan kepada Undang-undang Tubuh Perkembangan Persekutuan. Jadi saya tidak suka hendak mengambil masa Dewan kerana perkara ini akan dibincangkan besok dan saya suka hendak menerangkan sedikit sahaja pertama berkenaan dengan dasar "preventive detention" yang ada ahli-ahli Yang Berhormat membangkang di atas perkara ini. Dasar ini bukanlah dasar luar biasa bahkan dasar yang biasa didapati dalam kebanyakan undang-undang negeri termasuk India. Begitu juga berkenaan dengan lantikan Hakim-hakim hendak diubah peraturannya. Peraturan yang dicadangkan itu boleh dikatakan diperbuat oleh semua negeri-negeri yang berdasarkan demokrasi. Jadi perkara yang dibuat ini bukanlah perkara baru ataupun yang luar biasa. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, banyaklah perkara-perkara yang lain yang disebut oleh ahli Yang Berhormat telahpun dijawab oleh rakan-rakan saya Menteri-menteri yang lain, oleh itu tidaklah lagi saya fikir payah saya panjangkan lagi ucapan saya itu melainkan sekali lagi saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi sokongan kepada usul yang di hadapan kita ini; terang dan nyatalah dengan ucapan-ucapan yang didatangkan oleh pihak pembangkang dan lain-lain juga tidak adalah dasar-dasar yang baru yang dikemukakan selain daripada dasar-dasar yang tersebut di dalam Titah di-Raja itu. Dengan itu pada fikiran saya nyatalah bahawa dasar yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Perikatan itu bersesuaian dengan kehendak masa dan bersesuaian dengan keadaan negeri kita yang ada sekarang iaitu dasar yang akan dijalankan pada tahun hadapan.